

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]

TARIKH : 7 MAC 2016 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) usaha Kerajaan untuk melindungi warga emas daripada aspek kesihatan mahupun sosial memandangkan bilangan warga emas dijangka meningkat menjelang tahun 2020; dan
- (b) peruntukan undang-undang untuk mewajibkan anak-anak kandung yang berkemampuan untuk membayar kos tanggungan ibu bapa mereka yang ditinggalkan di pusat penjagaan warga emas.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Warga emas di Malaysia merujuk kepada individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai oleh *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna, Austria yang diadakan pada tahun 1982. Dengan definisi berkenaan, bilangan golongan warga emas pada tahun 2015 adalah seramai 2.8 juta orang atau 9% daripada 31 juta orang penduduk Malaysia. Berasaskan unjuran yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2035 apabila 15% daripada jumlah penduduk merupakan warga emas. Berasaskan unjuran tersebut, warga emas di Malaysia pada tahun **2035** adalah seramai **5.60 juta orang**.

Bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan warga emas serta meningkatkan kualiti hidup golongan tersebut ke arah penuaan sihat, produktif dan aktif, Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal dengan menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995. Selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakannya. Susulan daripada kajian semula ini, Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya telah diluluskan oleh Kerajaan pada 5 Januari 2011.

Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri bagi meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Bagi tujuan memantau pelaksanaan Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakannya dan juga bertindak sebagai badan penasihat, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara telah ditubuhkan pada 22 Mei 1996. Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sementara ahli-ahlinya terdiri daripada kementerian/agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak berkepentingan yang mewakili golongan warga emas.

Bagi membantu Majlis menjalankan fungsinya, 7 buah Jawatankuasa Kecil telah ditubuhkan iaitu:

1. Jawatankuasa Kecil Kesihatan;

2. Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi;
3. Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Kerohanian;
4. Jawatankuasa Kecil Perumahan dan Persekitaran;
5. Jawatankuasa Kecil Ekonomi;
6. Jawatankuasa Kecil Pekerjaan; dan
7. Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Pembangunan.

Isu kesihatan merupakan antara isu utama yang sering diketengahkan oleh warga emas. Bagi menghadapi isu ini, Kementerian Kesihatan telah melaporkan bahawa kira-kira 27,000 orang anggota kesihatan telah dilatih dalam penjagaan kesihatan warga emas. Selain itu, 500 buah kemudahan kesihatan kerajaan di seluruh negara telah mengambil inisiatif menyediakan *fast track* bagi warga emas. Melalui *National Blue-Ocean Strategy 7 (NBOS 7): 1Malaysia Family Care*, perkhidmatan saringan kesihatan serta perawatan untuk warga emas di institusi, warga emas terlantar di rumah serta latihan kepada penjaga warga emas yang terlantar di rumah juga telah dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan.

Selain itu, isu yang dihadapi oleh warga emas ialah daripada segi **persediaan kewangan** yang mencukupi untuk menghadapi hari tua.

Dalam hal ini, Kerajaan telah meningkatkan umur persaraan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Pertambahan 5 tahun akan membantu menjamin kestabilan ekonomi golongan warga emas apabila mencapai usia persaraan kelak melalui simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang lebih besar. Sumbangan dan peranan warga emas yang masih aktif dan produktif juga perlu dipertingkatkan melalui **peluang pekerjaan** terutama kepada warga emas yang berada dalam kategori miskin. Dalam hal ini, Kerajaan telah mengorak langkah mengadakan perbincangan dengan pihak swasta bagi mendapatkan penglibatan dan komitmen mereka untuk memberi peluang pekerjaan kepada warga emas dengan waktu kerja yang lebih fleksibel.

Bagi menggalakkan warga emas untuk berdikari dan menyokong penglibatan mereka dalam masyarakat, **kemudahan dan infrastruktur yang mesra warga emas** adalah penting. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyediakan satu Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas yang memberi tumpuan khusus kepada pembangunan fizikal bagi petempatan warga emas serta kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Garis Panduan ini disediakan dengan tujuan untuk memberi

panduan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan (pemaju, syarikat swasta, perseorangan, badan bukan kerajaan dan lain-lain) bagi penyediaan petempatan warga emas dan kemudahan sokongan yang perlu disediakan.

Selain itu, dalam usaha memahami dan mendalami isu dan cabaran yang dihadapi oleh warga emas, satu kajian bertajuk “Kemudahan dan Perkhidmatan Bagi Menepati Keperluan Warga Emas Di Malaysia Menjelang 2030” sedang dijalankan oleh Universiti Putra Malaysia bermula September 2015 hingga September 2016.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menawarkan perkhidmatan sosial berbentuk bantuan kebajikan dan kewangan seperti Bantuan Orang Tua (BOT), penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), penjagaan warga emas di institusi seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan serta program pemerikasaan ekonomi warga emas. Hingga Disember 2015, seramai 32,535 orang warga emas telah mendaftar di PAWE. Bagi menampung permintaan warga emas yang semakin meningkat, Kerajaan bercadang untuk mewujudkan 222 buah PAWE di setiap kawasan

Parlimen secara berperingkat (1 Parlimen, 1 PAWE). Selaras dengan itu, melalui Rancangan Malaysia Kesebelas, JKM telah memohon peruntukan pembelian bangunan bagi mewujudkan 20 buah PAWE.

Selain itu, penjagaan warga emas di institusi turut disediakan oleh JKM seperti Rumah Seri Kenangan dan Rumah Ehsan. Hingga kini, terdapat 14 buah institusi untuk warga emas di bawah pengurusan JKM di mana 11 buah institusi dikenali sebagai Rumah Seri Kenangan (9 di Semenanjung dan 2 di Sarawak) manakala 3 yang lain dikenali sebagai Rumah Orang Tua yang terletak di Sabah. Objektif utama penubuhan institusi untuk warga emas ini adalah untuk menyediakan penjagaan dan perlindungan kepada golongan warga tua yang memerlukan rawatan dan kualiti hidup yang lebih baik. Hingga Januari 2016, terdapat 1,611 orang penghuni yang menetap di institusi tersebut. Selain itu, terdapat 2 buah Rumah Ehsan yang memberi penjagaan, rawatan dan perlindungan kepada warga emas yang sakit dan uzur. Hingga Januari 2016, terdapat 218 orang penghuni di mana 161 orang daripadanya ialah warga emas. Pusat penjagaan warga emas di bawah JKM ini tidak mengenakan sebarang bayaran kerana sebahagian besar warga emas yang ditempatkan di institusi ini tidak mempunyai sanak saudara atau waris dan tiada pendapatan.

Sehingga kini, belum ada sebarang perundangan yang diwujudkan bagi mewajibkan anak-anak kandung yang berkemampuan membayar kos tanggungan ibu bapa mereka yang ditinggalkan di pusat penjagaan warga emas. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berpandangan bahawa masyarakat Malaysia hari ini masih berpegang teguh kepada pegangan agama dan nilai budaya timur yang tinggi serta memupuk kasih sayang terhadap ibu bapa atau anggota keluarga yang lanjut usia. Ini adalah selaras dengan prinsip Dasar Keluarga Negara yang diluluskan oleh Kerajaan pada 17 Disember 2010 yang menekankan kepada inisiatif penerapan nilai-nilai murni kekeluargaan bagi menjamin pembangunan sosial yang mampan. Seiring dengan usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan, adalah diharapkan agar kesedaran masyarakat umum tentang kepentingan tanggungjawab menjaga warga emas akan meningkat bagi memastikan tanggungjawab ini digembleng secara bersama antara Kerajaan dan semua ahli masyarakat termasuk institusi keluarga, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan pertubuhan keagamaan.